

**NOTA PERCAKAPAN YB MENTERI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP
PENGUMUMAN PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM
PERAYAAN (SHMMP) HARI RAYA PUASA 2023**

1. Menjelang Hari Raya Puasa yang dijangka akan disambut tidak lama lagi, Kementerian akan melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2023** yang akan **berkuatkuasa dari 15 April hingga 30 April 2023**.

2. Tempoh pelaksanaan adalah selama **16 hari** iaitu termasuk **2 hari semasa perayaan**. Kementerian telah mengenal pasti **sebanyak 30 jenis barangan** yang akan dikawal di bawah Skim ini. Ini adalah termasuk **6 jenis barangan daripada kategori ayam dan telur di bawah Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam yang sedang berkuat kuasa sejak 5 Februari 2022**. Barangan lain yang terbabit adalah:

- (1) **Daging kerbau import** (Harga maksimum di Semenanjung, Sabah dan WP Labuan sahaja)
- (2) **Daging lembu import** (Harga maksimum di Sarawak sahaja)
- (3) **Daging lembu tempatan** (kecuali daging batang pinang) (Harga maksimum di Semenanjung dan Sabah sahaja)
- (4) **Ikan kembung termasuk ikan Mabung**
- (5) **Ikan selayang**
- (6) **Ikan aya atau** (Dikawal di Pahang, Terengganu dan Kelantan sahaja)
- (7) **Ikan demuduk, sagai, cermin atau cupak** (Dikawal di Sabah sahaja)

- (8) **Tomato**
- (9) **Cili merah**
- (10) **Kubis bulat import** (Indonesia dan China, tidak termasuk kubis Beijing)
- (11) **Kacang Panjang**
- (12) **Timun**
- (13) **Sawi hijau**
- (14) **Halia tua import**
- (15) **Bawang besar merah import**
- (16) **Bawang besar kuning**
- (17) **Bawang putih (China)**
- (18) **Bawang kecil merah India (Ros)**
- (19) **Bawang kecil merah India (Biasa)**
- (20) **Ubi kentang import (China)**
- (21) **Cili kering kerinting**
- (22) **Kacang tanah**
- (23) **Kelapa biji** (Harga maksimum di peringkat borong sahaja)
- (24) **Kelapa parut** (Harga maksimum di peringkat runcit sahaja)

3. Analisa yang dilakukan mendapati harga beberapa barang yang di kawal memberi impak positif kepada pengguna ketika berbelanja untuk membuat persiapan menyambut Aidilfitri nanti. Penentuan harga maksimum barang-barang tersebut adalah seperti berikut:

3.1 Daging lembu tempatan (kecuali daging batang pinang) (Harga maksimum di Semenanjung dan Sabah sahaja)

Harga maksimum yang dicadangkan di peringkat runcit ialah RM41.00.

Harga semasa diperingkat runcit ialah sekitar RM 49.00/kg.

Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan meningkat kepada harga RM49.00/kg iaitu 19% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.2 Ikan kembung termasuk ikan mabung

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM16.00/kg. Purata harga semasa diperingkat runcit ialah RM18.00/kg.

Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM18.00/kg iaitu 12% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.3 Kacang Panjang

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM8.00/kg. Harga semasa diperingkat runcit sekitar RM9.00/kg.

Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM9.00/kg iaitu 12% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.4 Bawang kecil merah India (Ros)

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM6.00. Harga semasa diperingkat runcit adalah sekitar RM10.00/kg.

Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM10.00/kg iaitu 67% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.5 **Kacang tanah**

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM9.00/kg. Harga semasa diperingkat runcit mencecah RM10.00/kg.

Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM10.00/kg iaitu 11% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.7 **Halia tua import**

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM8.50. Purata harga semasa diperingkat runcit ialah RM10.00/kg.

Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM10.00/kg iaitu 18% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.8 **Kelapa parut (*Harga maksimum di peringkat runcit sahaja)**

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM7.60/kg. Purata harga semasa diperingkat runcit ialah RM8.00/kg.

Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM8.00/kg iaitu 5% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

4. Tempoh pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2023 kali ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa, iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga. Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama.

5. Senarai barangan, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti faktor cuaca, ekonomi global, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan permintaan serta penawaran.

6. Selain itu, penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan dari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi Kerajaan dan pemain-pemain industri.
7. SHMMP Hari Raya Puasa 2023 akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat. **Harga maksimum yang telah ditetapkan untuk SHMMP Hari Raya Puasa 2023 di peringkat pemborong dan peruncit** boleh disemak melalui website Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di <https://www.kpdn.gov.my>
8. Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa KPDN akan ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan.
9. Kementerian sentiasa menjalinkan kerjasama dengan KPKM bagi memastikan bekalan barangan yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Skim.
10. Pada masa yang sama, penguatkuasaan secara berhemah dilaksanakan dengan memberi pendidikan, nasihat dan amaran supaya para peniaga mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dan mengamalkan peniagaan yang beretika.

11. **Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan ini dan menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya.** Adalah diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

(i) **Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:**

(a) **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan

(b) **Syarikat;** boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

(ii) **kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:**

(a) **individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan

(b) **syarikat;** boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

12. Jika didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan skim ini, **pengguna boleh menyalurkan aduan** kepada Kementerian melalui:

- (i) Whatsapp ke 019- 279 4317 / 019-848 8000
- (ii) Portal Aduan: **e-aduan.kpdn.gov.my**
- (iii) Pusat Panggilan **1800 886 800**
- (iv) E-mel **e-aduan@kpdn.gov.my**
- (v) Aplikasi telefon pintar **Ez ADU**
- (vi) Pusat Arahan Penguat Kuasa **(ECC) 03-8882 6245 / 6088**

YB DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
PUTRAJAYA, 12 APRIL 2023

###